

PM tolak spekulasi pertukaran MB Perak

Oleh YULPISMAN ASLI
dan HAKIMI ISMAIL
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 16 MAC

PERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menolak sebarang spekulasi mengenai pertukaran Menteri Besar Perak.

Perdana Menteri berkata, beliau berpuas dengan prestasi Menteri Besar Perak sekarang, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu dan kontroversi berkenaan hanya timbul disebabkan ada pihak yang ingin mengambil alih tempatnya.

“Tiada apa...kontroversi sebab orang mahu ganti tempat dia, jadi orang timbulkan isu ini. Sama macam saya ada juga mahu ganti,

ini adalah normal,” katanya kepada pemberita selepas pelancaran program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian bagi mengulas dakwaan wujudnya gerakan yang serius untuk menjatuhkan Ahmad Faizal oleh beberapa orang exco kerajaan negeri berkenaan.

Sebelum ini, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perak, Datuk Saarani Mohamad mendakwa kedudukan Ahmad Faizal masih tidak kukuh ekoran ada usaha berterusan untuk menjatuhkannya.

Ahmad Faizal merupakan Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Perak dan wakil tunggal daripada

Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak sebelum ADUN Sungai Manik, Datuk Zainol Fadzi Paharudin meninggalkan UMNO dan menyertai Bersatu.

Sementara itu, mengulas lawatan Menteri Besar Johor, Datuk Osman Sopian ke Pulau Batam, Indonesia semalam ketika rakyat negeri itu berdepan musibah pencemaran toksik yang serius, Dr. Mahathir berkata beliau tidak tahu mengenai perkara itu.

“Dia pergi ke? Saya tidak tahu,” katanya.

Osman yang menjawab kritikan netizen mengenai lawatan itu semalam berkata, pemergiannya ke Pulau Batam adalah atas urusan kerja yang sudah dijadualkan lebih awal.



MAHATHIR MOHAMAD bergambar bersama remaja selepas merasmikan majlis Pelancaran Program Ikon Remaja Wilayah Persekutuan yang turut dihadiri Khalid Abdul Samad dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Harun di Putrajaya semalam. - MINGGUAN/RASHID MAHFOP